

08/07/2001

Pelajar jangan tentang kerajaan: MB

KUANTAN: Pelajar Melayu yang mendapat keistimewaan memasuki pusat pengajian tinggi mengikut sistem kuota, tidak seharusnya menyalahgunakan infrastruktur pendidikan yang disediakan kerajaan.

Ini kerana semua kemudahan pendidikan itu disediakan melalui peruntukan rakyat.

Berikutan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata pelajar Melayu tidak sewajarnya menjadikan universiti sebagai tempat untuk menentang kerajaan atau merelakan diri mereka menjadi alat untuk menyebarkan propaganda antikerajaan.

Beliau berkata, pelajar Melayu perlu menumpukan usaha mencapai kecemerlangan dalam pendidikan dan menggunakan ilmu yang ada untuk membangunkan bangsa dan negara.

"Saya berasa sangat dukacita jika pelajar Melayu yang berjaya masuk universiti mengikut sistem kuota yang disediakan kerajaan, bersikap lupa diri dan kemudian menentang kerajaan.

"Sepatutnya mereka yang bernasib baik diterima masuk ke pusat pengajian tinggi itu, menggunakan masa untuk menimba ilmu dan mencapai kecemerlangan dalam pendidikan, bukannya membuang masa melakukan kerja tidak berfaedah.

"Mereka perlu mencontohi pelajar bukan Bumiputera yang memanfaatkan setiap masa mengulang kaji pelajaran dan hasilnya, bukan saja muncul pelajar cemerlang, malah mampu menambah golongan profesional kaum mereka," katanya di sini.

Beliau mengulas tindakan beberapa pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi bersikap antikerajaan dan pemimpin negara berikutan terpengaruh dengan propaganda pihak tertentu.

Adnan berkata, pelajar Melayu berpendidikan tinggi adalah golongan baik tetapi segelintir daripada mereka berfahaman sempit dan mudah diperalatkan golongan tertentu yang mempunyai kepentingan peribadi.

Katanya, pelajar berkenaan digunakan untuk mengecam pemimpin tertinggi kerajaan, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan seterusnya bercita-cita untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

"Pelajar Melayu itu mahu membantu pihak tertentu menubuhkan kerajaan baru yang didakwa lebih adil.

"Mereka tidak seharusnya terjebak dalam kegiatan itu kerana jika terbukti pembabitan pelajar berkenaan, tindakan akan diambil dan akhirnya mereka juga yang rugi," katanya.

(END)